

U B982 DEB

MAHATHIR-POLIS (EMBARGO) UNTUK BIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 23 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMINTA MEDIA-MASSA JANGAN MENYALAHKAN KESELURUHAN PASUKAN POLIS ATAS PERBUATAN SEGELINTIR ANGGOTANYA YANG ENKAR ATAU TIDAK BERETIKA.

+MEDIA MASSA HENDAKLAH MEMPERLIHATKAN FAKTA-FAKTA YANG BENAR, TEPAT DAN ADIL SERTA PENGANALISISAN YANG KRITIKAL TETAPI MEMBINA MENGENAI ISU YANG DIHADAPI, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA OLEH KERANA MEMANDANGKAN SEBAHAGIAN BESAR TUGAS POLIS IALAH MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG, TINDAKAN-TINDAKAN ANGGOTANYA TERDEDIAH KEPADA PENAFSIRAN DAN KRITIKAN MEDIA MASSA.

SEBARAN AM MUNGKIN DAPAT MENYALURKAN TEGURAN DAN PENDAPAT YANG MEMBINA MENGENAI CARA-CARA YANG BAIK SERTA PRAKTIKAL BAGI MENGATASI SESUATU MASALAH, KATANYA PADA PERJUMPAAN DAN JAMUAN MALAM POLIS-SEBARAN AM DI SINI.

INILAH KALI PERTAMA PERDANA MENTERI MENGHADIRI MAJLIS SEUMPAMA ITU YANG DIANJURKAN SETIAP TAHUN SEJAK 1975. -- LAGI  
1638MST 23 11 86

U B995 DEB

MAHATHIR-POLIS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA POLIS SENTIASA BERSEEDIA MENERIMA TEGURAN DEMI MEMPERTINGKAT DAYA DAN MUTU PERKHIDMATANNYA.

MENURUT BELIAU YANG LEBIH PENTING IALAH PEMUPUKAN HUBUNGAN ERAT ANTARA MEDIA MASSA DENGAN POLIS UNTUK MEMUJUKAN MASYARAKAT AMAN, DAMAI DAN BERTANGGUNGJAWAB.

UNTUK TUJUAN INI, POLIS MENEGAKKAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN KELUHURAN PERLEMBAGAAN MANAKALA MEDIA-MASSA PULA MEMUPUK DAYA INTELEK YANG SIHAT, HARMONIS DAN DINAMIK DI KALANGAN PENDENGAR DAN PEMBACA.

MEDIA-MASSA YANG BERTANGGUNGJAWAB SERTA CINTA AKAN NEGARA SEHARUSNYA MENGGANGGAP TUGAS MEMUPUK NILAI-NILAI MURNI ITU SEBAGAI SUMBANGAN MEMAJUKAN NEGARA, KATANYA.

BELIAU JUGA INGIN MELIHAT PEMUPUKAN HUBUNGAN ERAT ANTARA MEDIA-MASSA DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG LAIN SUPAYA PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN BERKESAN. -- LAGI  
1708MST 23 11 86

U B003 DEB

MAHATHIR-POLIS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN MEDIA-MASSA BAHAWA KRITIKAN MELULU MEMANG MUDAH DILAKUKAN TETAPI Mencari PENYELESAIAN BAGI SESUATU MASALAH MEMERLUKAN SIFAT-SIFAT BERTANGGUNGJAWAB, RAJIN DAN DAYA PEMIKIRAN YANG TAJAM DAN BERNAS.

APABILA BERUSAHA MENERBITKAN BERITA MENGIKUT SELERA ATAU SUDUT PANDANGAN SENDIRI, MEDIA-MASSA MISALNYA BOLEH MEMBANTU ATAU MENGGAGALKAN USAHA POLIS, KATANYA.

IA JUGA BOLEH MENINGKATKAN SUASANA PENJENAYAHAN SERTA MENYEMARAKAN KEGELISAHAN ORANG RAMAI TERHADAP KESEJAHTERAAN NEGARA. DALAM PADA ITU PULA IA JUGA BERUPAYA MEMBONGKAR KEGIATAN JENAYAH SERTA MELINDUNGI ORANG RAMAI DARIPADA MEREKA YANG KORAP, KATANYA.

OLEH ITU, MEDIA-MASSA PERLU MENANAMKAN SEMANGAT DAN SIKAP POSITIF SUPAYA TERCAPAI CITA-CITA MEMBINA NEGARA YANG LEBIH KUKUH, KATANYA.-- BERNAMA  
1804MST 23 11 86